SOALAN NO : 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
(WANGSA MAJU)

SOALAN

DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW [WANGSA MAJU] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik jenayah yang berlaku di Wangsa Maju bagi tahun 2017, 2018 dan 2019 dan adakah Kementerian bercadang untuk memasang kamera litar tertutup (CCTV) di hotspot kawasan jenayah.

SOALAN NO : 16

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Secara keseluruhannya Jenayah Indeks yang dilaporkan di daerah Wangsa Maju bagi tahun 2017 adalah sebanyak 2,813 kes, diikuti 2,326 kes pada tahun 2018 dan 1,333 kes bagi tempoh Januari hingga Ogos 2019. Kes-kes jenayah paling kerap dilaporkan antaranya ialah curi motosikal sebanyak 2,279 kes, curi (selain kenderaan) sebanyak 1,157 kes, curi motokar sebanyak 765 kes dan pecah rumah dan curi sebanyak 715 kes.

Beberapa langkah telah diambil oleh pihak PDRM bagi mengurangkan kejadian jenayah daripada berlaku. Sebagai contoh, di kawasan hot spot atau kawasan yang tinggi kadar jenayahnya, PDRM sentiasa meningkatkan langkah pencegahan jenayah melibatkan penugasan anggota seperti rondaan secara berjalan kaki (*Bit and Patrol*), bermotosikal URV (Unit Rondaan Bermotosikal) dan berkereta (*Mobile Patrol Vehicle*) di kawasan-kawasan perumahan dan tumpuan ramai. Kehadiran anggota berpakaian uniform di kawasan-kawasan yang strategik adalah bersesuaian dengan konsep "*Police Omnipresence*" dan akan menjadi *deterrent* kepada penjenayah daripada melakukan jenayah.

Berkenaan cadangan untuk memasang kamera litar tertutup (CCTV), perkara ini telah dilaksanakan melalui Program Bandar Selamat bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu dengan pemasangan CCTV di tempat–tempat strategik serta mencerahkan kawasan yang kerap berlaku jenayah dengan pemasangan lampu.